

Bil. S 34

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA LALULINTAS JALAN RAYA) (PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Lalulintas Jalan Raya) (Pindaan), 1999.

Pemasukan bab 79A baru ke dalam Penggal 68. 2. Akta Lalulintas Jalan Raya, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 79 —

"Tol ke atas kenderaan yang menggunakan jalan raya.

79A. (1) Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh membuat perintah bagi pengenalan tol ke atas kenderaan yang menggunakan mana-mana jalan raya, dan sebarang perintah tersebut hendaklah menyatakan jenis, jumlah, kadar dan cara pembayaran sebarang tol tersebut.

(2) Perintah tersebut boleh membuat peruntukan bagi jumlah-jumlah dan kadar-kadar tol yang berlainan bagi jenis-jenis dan kategori-kategori kenderaan yang berlainan.

(3) Menteri boleh mengecualikan sebarang kenderaan atau jenis kenderaan dari peruntukan-peruntukan ceraiian (1) atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya.

(4) Dalam bab ini, "tol" termasuk sebarang levi, cukai atau bayaran lain yang akan dibayar kepada Kerajaan kerana menggunakan jalan raya tersebut."

Pindaan bab 93. 3. Bab 93 dari Akta tersebut adalah dipinda, dalam ceraiian (2), dengan memasukkan perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (33) —

“(33A) pemindahan dari jalan raya, penahanan dan imobilisasi, kenderaan yang sedang berhenti (termasuk sebarang muatan yang dibawa olehnya) dan bagi pelupusan atau rampasannya yang kemudian;”.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 29 haribulan Julai, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM